

# MONTHLY NEWSLETTER

## Majlis Sambutan Siswa Lestari

1 September - Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral (PPKBSM) telah mengadakan Majlis Sambutan Siswa Lestari sempena kedatangan pelajar-pelajar baharu Tahun 1 bagi sidang akademik 2016/17. Majlis telah diadakan di Dewan Kuliah 9. Seramai 86 orang pelajar Tahun 1 telah menjadi ahli keluarga baharu PPKBSM. Majlis sambutan Siswa diteruskan dengan aktiviti-aktiviti di pusat pengajian seperti sesi bersama Dekan, taklimat Pengerusi Rancangan Program dan aktiviti bersama Alumni. Pendaftaran kursus bagi pelajar-pelajar tahun 1 juga telah disempurnakan pada hari ini. Bagi pihak PPKBSM kami mengaluakan kedatangan ahli keluarga baharu ini dan diharapkan semua pelajar tahun 1 akan dapat menyesuaikan diri dengan baik di pusat pengajian.

## Sembang Santai Bersama Alumni

1 September - Sempena Majlis Sambutan Siswa Lestari, satu slot "Sembang Santai Bersama Alumni" telah diadakan bagi mendedahkan para pelajar Tahun 1 dengan cabaran yang akan mereka lalui semasa menuntut di Universiti dan persediaan di dalam dunia pekerjaan kelak. Alumni yang hadir ialah En. Luqman Hakim mewakili program Kejuruteraan Sumber Mineral dari LCLY Quarry Works Sdn. Bhd., En. Mohd Helfy Affzan Shahidan mewakili program Kejuruteraan Bahan dari Western Digital dan En. Amirul Azfar Kamaruzzaman mewakili program Kejuruteraan Polimer dari Toray Plastic Malaysia. Pihak PPKBSM merakamkan ribuan terima kasih kepada tiga orang alumni ini kerana kesudian mereka berkongsi pengalaman mereka dengan para pelajar.

## Kursus Asas Pembedil

10 September - Sekumpulan pelajar program Kejuruteraan Sumber Mineral telah menghadiri Kursus Asas Pembedil di Dewan Seminar PPKBSM. Kursus ini merupakan program tajaan Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Geran Kebolehpasaran. Kursus ini juga mendapat kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains serta industri berkaitan.

## Ceramah Kerjaya MREPC dan pameran PPKBSM di IRGCE 2016


6 September - Seramai 34 orang pelajar tahun akhir Kejuruteraan Polimer telah menghadiri ceramah kerjaya anjuran Malaysian Rubber Expert Promotion Council (MREPC) bersempena "International Rubber Gloves Conference and Exhibition (IRGCE) 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Siri ceramah kerjaya telah disampaikan oleh pemacu utama industri getah dan lateks di Malaysia. Selain itu, para pelajar turut dibawa melawat ke ruang pameran yang mempamerkan produk-produk berkaitan dengan industri lateks. Pihak PPKBSM juga menyertai pameran akademik bersama pihak PRIM, UniKL dan UNIMAP dalam mempromosikan bidang kejuruteraan Polimer bagi peluang kerjaya di dalam industri lateks.


## Mesyuarat Agung Tahunan MIMATES

26 September - Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) bagi Persatuan Pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral atau lebih dikenali sebagai *Mineral & Material Engineering Society* (MIMATES) telah diadakan bagi melantik jawatan kuasa baharu persatuan bagi sidang akademik 2016/2017. Aktiviti ini telah diadakan di bilik BSK1. Semoga jawatankuasa MIMATES yang baharu akan terus aktif bagi menghasilkan graduan universiti yang seimbang dan cemerlang dalam pelbagai aspek.

## Pembentangan Poster Latihan Industri 2016

28 September - Pembentangan poster latihan industri telah diadakan bagi melengkapkan penilaian terhadap latihan industri yang telah dijalani oleh pelajar tahun akhir selama 10 minggu di pelbagai industri yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing. Pelajar-pelajar telah diadili oleh kumpulan juri yang terdiri dari staf PPKBSM. 10 pembentang poster terbaik bagi setiap program telah dipilih untuk menerima hadiah beserta sijil dalam satu majlis ringkas yang di adakan di Dewan Seminar PPKBSM.

 04-594 1010

 04-594 1011

 [smmreinfo@usm.my](mailto:smmreinfo@usm.my)